

MENYANTUNI MURID

“MATA MERAH”

PENENTUAN kelas atau bilik darjah murid mengikut pencapaian dalam peperiksaan tidak lagi digalakkan. Penentuan ini akan menyebabkan murid yang cemerlang akan terkumpul di kelas hadapan dan murid yang lemah akan dikumpulkan dalam bilik darjah yang sama pada kedudukan kelas yang semakin corot.

MURID sepatutnya dibenarkan berada di kelas tanpa ditentukan melalui pencapaian akademik dan berhak mengikuti pembelajaran serta bergaul bersama-sama rakan yang mempunyai latar belakang pencapaian akademik yang berbeza. Perkara ini akan memberi peluang murid bersaing dan saling membantu serta menjalani proses pembelajaran mengikut gaya pembelajaran yang lebih sesuai.

Guru juga akan menyampaikan pengajaran kepada murid yang mempunyai asas pengetahuan dan kemahiran yang berbeza serta gaya pembelajaran yang pelbagai dalam sesebuah kelas dengan menggunakan pendekatan pembelajaran berbeza. Namun demikian, perkara ini mungkin sedikit berbeza bagi murid di sekolah menengah, terutama bagi tingkatan empat dan tingkatan lima, khasnya kerana pengelasan murid akan tetap berlaku kerana pilihan subjek elektif yang berbeza.

Bagi kelas yang menawarkan subjek elektif seperti Fizik, Kimia, Biologi dan Matematik Tambahan, kelas

ini selalunya menempatkan murid yang mempunyai pencapaian yang baik dalam Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3). Bagi kelas yang menawarkan subjek elektif, seperti Kesusasteraan Melayu, Ekonomi Rumah Tangga, Pendidikan Seni Visual dan beberapa subjek kemanusiaan yang lain biasanya dipilih oleh pelajar yang kurang baik pencapaiannya semasa PT3. Hal ini dikatakan demikian kerana subjek kemanusiaan ini lebih mudah berbanding dengan subjek aliran sains. Oleh sebab kenaikan ke tingkatan empat secara automatik, maka semua murid termasuk murid yang lemah juga akan mengisi kelas yang menawarkan subjek kemanusiaan ini.

Sebagai guru, tugas yang sangat mencabar apabila berhadapan dengan murid yang memerlukan bimbingan yang intensif, seperti yang berada di kelas kemanusiaan ini yang lemah dan kurang minat, serta tidak mempunyai motivasi untuk belajar. Sering kali murid di kelas ini diberi nama jolokan buruk kerana selain lemah dalam pelajaran mereka juga agak nakal jika dibandingkan dengan murid lain. Antara nama jolokan yang diberikan kepada mereka ialah murid "mata merah". Gelaran ini diberikan kerana murid-murid ini biasanya kerap tidur di dalam kelas dan apabila dikejutkan oleh guru mereka akan bangun sambil menggosok-gosok mata yang merah kerana tertidur dan masih mengantuk.

Agak sukar bagi seorang guru untuk menyampaikan pengajaran kepada murid "mata merah" ini jika guru kurang berpengalaman berhadapan situasi ini. Kehadiran mereka kadang kala kerana paksaan ibu bapa atau hanya ingin mendapatkan sijil berhenti sekolah tamat tingkatan lima bagi mendapatkan pekerjaan di luar negara, terutama di Singapura. Mereka hadir ke sekolah kerana mereka tidak keluar bekerja kerana masih bawah umur. Walau apa-apa pun cabaran yang dihadapi, namun tugas guru sebagai pendidik tidak boleh menganggap perkara ini sebagai alasan untuk tidak memberikan pengajaran yang baik kepada anak didiknya. Sebaik-baiknya guru perlu menggunakan kepakaran dan pengalaman yang ada serta

Galakkan murid aktif berinteraksi di dalam kelas.



bertanya kepada rakan sekerja yang lebih berpengalaman.

Dari aspek bahasa dalam usaha menyampaikan isi pelajaran, guru perlu menggunakan bahasa yang "sama" dengan mereka, iaitu bahasa yang mudah dan struktur ayat yang lebih ringkas. Bahasa tinggi dengan ayat yang panjang dan kosa kata yang kompleks akan menyukarkan pemahaman mereka. Malah, kadang kala guru perlu menggunakan bahasa yang "sama" dengan mereka yang kadang kala kosa kata yang dipilih tidak terdapat dalam *Kamus Dewan*, tetapi lebih popular dalam kalangan murid. Bahasa yang mudah ini kadang kala merupakan bahasa rojak atau bahasa anak muda dalam media sosial. Murid akan tertarik dan menanggap guru orang yang rapat dengan perkembangan hidup mereka.

Bahasa yang "sama" juga penting terutama di sekolah "campur", iaitu sekolah yang terdiri daripada murid pelbagai bangsa. Tidak salah jika guru kadang kala memilih kosa kata dalam bahasa lain selain bahasa Melayu untuk menarik perhatian murid. Malah, kadang kala penggunaan istilah bahasa lain atau menggunakan bahasa ibunda murid akan menimbulkan rasa guru

dekat dengan mereka dan hubungan antara guru dengan murid juga akan lebih baik. Selain membantu guru untuk menyampaikan isi pelajaran, bahasa yang mudah akan membantu guru untuk berkomunikasi dan menyampaikan arahan kepada mereka dan sekali gus tugas mendisiplinkan mereka juga dapat dijalankan.

Tutur kata dan bahasa perlu dijaga kerana murid ini biasanya sensitif dan mudah terasa hati. Kata-kata yang dituturkan perlu sopan, tetapi tegas sebagai menghormati perasaan mereka sebagai murid walaupun guru sedang berada dalam situasi beremosi. Guru perlu mengelak daripada menggunakan ayat yang sengaja membuat perbandingan antara murid, terutama antara murid "mata merah" dengan murid yang berada di kelas yang lebih baik. Perbandingan ini akan mencalarakan keegoan dan menambah lagi rasa rendah diri mereka. Penggunaan bahasa yang kurang sopan, seperti mencarut atau kata menghina akan menimbulkan rasa kurang hormat mereka kepada guru. Jika berhadapan dengan situasi beremosi dan tegang, guru seharusnya cuba tenang dan menggunakan

PENGAJARAN BAHASA

Guru perlu menggunakan bahasa yang sesuai dan mudah difahami untuk menarik perhatian murid.



psikologi untuk merungkaikan kekusutan. Elakkan perkara tidak diingini berlaku, bak kata pepatah sebab pulut santan binasa, sebab mulut badan binasa.

Jika rasa hormat murid terhadap guru hilang sekali gus akan memudarkan rasa minat mereka terhadap pengajaran guru. Hal ini seterusnya akan mendorong mereka untuk turut melakukan salah laku di dalam atau di luar kelas. Salah laku di kelas yang sering dikaitkan dengan "murid mata merah" ialah bising ketika guru menyampaikan pengajaran, tidur, tidak menyiapkan tugas di rumah dan ponteng. Perbuatan salah laku murid akan memberi satu lagi bebanan kepada guru untuk mengatasi masalah tersebut atau mencari tindakan yang sesuai yang perlu dilakukan.

Jika guru berbahasa dengan baik dengan murid tidak menghalang guru untuk mendisiplinkan murid. Satu cara mendisiplinkan murid adalah dengan mengenakan hukuman dan dendaan. Setiap hukuman bagi setiap kesalahan salah laku yang dikenakan kepada murid sebenarnya bukanlah mengikut hati dan perasaan seseorang guru. Hukuman yang dikenakan mestilah setimpal dengan kesalahan

dan mengikut undang-undang yang ditetapkan oleh pihak sekolah. Guru seharusnya mengelakkan memberi dendaan yang berbentuk penderaan mental atau fizikal. Namun demikian, jika guru tidak mengenakan sebarang tindakan pula, murid akan lebih kerap melakukan kesalahan yang sama. Tambahan lagi jika guru mengugut untuk mengenakan tindakan, tetapi tidak berbuat demikian dan membiarkan kesalahan dilakukan oleh murid secara berulang akan mendatangkan impak yang lebih buruk, iaitu murid tidak akan lagi percaya terhadap guru tersebut.

Hukuman yang baik bukanlah hukuman dengan kekerasan. Hukuman yang memalukan dan mencalarkan imej murid juga jauh sekali bersesuaian. Hukuman yang lebih baik untuk mendisiplinkan dan mendatangkan manfaat, seperti hukuman menyalin nota tambahan lebih daripada rakan lain, menghafal rumusan dalam tempoh tertentu atau apa-apa yang bersesuaian supaya dapat memberikan kesedaran dan pengajaran kepada murid.

Hukuman yang terbaik ialah hukuman yang ditetapkan setelah mendapat persetujuan daripada ibu bapa dan guru. Malah, tidak menjadi

isu jika guru membuat "perjanjian" terlebih dahulu dengan murid untuk menetapkan dendaan dan juga ganjaran. Hukuman yang dikenakan ini tidak akan menyebabkan murid memberontak dan ibu bapa juga tidak akan menjadikan perkara ini sebagai isu yang boleh mengheret guru ke mahkamah.

Jika guru mengenakan hukuman atau dendaan, jangan lupa tawanlah hati murid dengan ganjaran. Ganjaran perlu setimpal dengan kejayaan yang diperolehi. Jika hukuman yang dijanjikan perlu dilaksanakan begitu juga ganjaran yang ditawarkan perlu dilunaskan. Ganjaran pula perlulah berdasarkan keperluan murid tersebut. Murid "mata merah" yang lebih mudah untuk guru menyediakan "hadiah" kerana murid ini lebih menghargai pemberian guru kerana mereka terasa dihargai. Ganjaran berbentuk material mungkin memerlukan kos dan dikit sebanyak akan membebankan guru jika jumlah murid yang diajar ramai. Namun demikian, ganjaran juga boleh diberi melalui penghargaan dan pujian dengan kata-kata. Pujian tidak perlulah berlebihan, tetapi mampu membeli jiwa dan perasaan murid. Pujian yang berkaitan dengan gaya dan penampilan


sangat disukai oleh murid. Malah, kata-kata seperti “kamu kelihatan segar dan kemas berambut pendek” merupakan kata pujian yang dapat membeli jiwa mereka supaya tampil lebih segar dan sekali gus dapat menggalakkan mereka untuk berambut pendek dan menjaga disiplin mereka dari aspek penampilan.

Oleh itu, pujian tentang hasil kerja atau tulisan yang lebih kemas dapat digunakan untuk menggalakkan murid untuk lebih berminat menyiapkan tugas yang diberikan. Namun demikian, harus diingat bahawa pujian kadang kala boleh menimbulkan perasaan iri hati murid lain, terutama jika guru kerap memuji murid yang sama berulang kali. Pujian yang ikhlas akan membuahkan hasil yang baik dalam sesebuah hubungan.

Pembelajaran dalam bilik darjah memerlukan aktiviti pengukuhan untuk meningkatkan kefahaman murid terhadap isi pelajaran. Aktiviti pengukuhan seperti latihan bertulis untuk disiapkan di rumah kerap digunakan oleh guru sebagai pengukuhan perkara yang dipelajari dalam bilik darjah sebelumnya. Namun bagi murid “mata merah” tugas untuk menyiapkan di rumah ini sangat membebankan kerana mereka menghadapi kesukaran untuk menyiapkan tugas tersebut kerana tiada bimbingan di rumah jika mereka berhadapan dengan kesulitan. Keadaan lebih membebankan lagi apabila murid ini ada “tugas” lain selepas waktu persekolahan, iaitu terpaksa bekerja untuk mendapatkan wang bagi menampung perbelanjaan sekolah.

Oleh itu, jika guru berhadapan dengan situasi ini disarankan untuk memberi latihan yang setaraf dengan kemampuan mereka dan bilangan yang munasabah untuk disiapkan. Jika perlu, guru digalakkan memperbanyak latihan terbimbing, iaitu latihan yang disiapkan bersama-sama di kelas atau semasa kelas tambahan.

Guru perlu bijak mencari peluang untuk mendekati anak muridnya walaupun tidak dinafikan bahawa guru tidak mempunyai ruang masa yang banyak untuk berbuat demikian ketika di dalam kelas. Oleh itu, peluang bersama-sama murid ketika



Jika guru dapat mendekati murid “mata merah” ini dan menghormati pandangan dan perasaan mereka, rasa hormat mereka akan lebih tinggi. Jika guru mengajar dalam kelas untuk murid yang sama, guru akan dapat melihat kesan hormat tersebut apabila kawalan kelas akan lebih mudah.

menjalankan aktiviti kokurikulum perlu dimanfaatkan sebaik-baiknya untuk mengenali murid dengan lebih dekat dan mesra. Tingkatkan komunikasi supaya ruang ini dapat digunakan untuk menyelami perasaan mereka, berkongsi masalah atau berpeluang untuk mencungkil bakat dan kebolehan mereka.

Jika guru dapat mendekati murid “mata merah” ini dan menghormati pandangan dan perasaan mereka, rasa hormat mereka akan lebih tinggi. Jika guru mengajar dalam kelas untuk murid yang sama, guru akan dapat melihat kesan hormat tersebut apabila kawalan kelas akan lebih mudah. Rasa hormat ini selalunya berjangkit kepada rakan terdekat mereka dan sekali gus mereka sendiri akan menegur rakan mereka yang cuba untuk bersikap dengan guru kegemaran mereka. Malah, penghargaan murid “mata merah” ini lebih tinggi jika dibandingkan dengan murid kelas hadapan.

Kesimpulannya, murid setiap hari ke sekolah akan belajar sesuatu yang baharu daripada gurunya. Begitu juga sebaliknya, guru perlu belajar perkara yang baharu daripada anak muridnya setiap hari. Dunia mereka membesar berbeza daripada zaman kita dan cabaran untuk mendidik mereka sekarang juga berbeza daripada guru terdahulu. Mereka bakal menjadi pemimpin dan memimpin dan kita akhirnya bakal dipimpin oleh mereka. **PB**

